

UM 2/8/06 (MS 4)

## Dua pelajar UiTM terbunuh

BATU GAJAH 1 Ogos - Dua penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) kampus Seri Iskandar dekat sini terbunuh manakala tiga lagi cedera apabila kereta yang mereka naiki bertembung dengan sebuah lori di Kilometer 27, Jalan Ipoh-Lumut di sini, malam tadi.

Kejadian berlaku pada pukul 10.55 malam semasa kelima-lima mangsa dalam perjalanan pulang dari Ipoh ke kampus mereka.

Pemangku Ketua Polis Daerah Batu Gajah, Supritendan Jaafar Mohd Yusof berkata, me-

reka yang terbunuh ialah pemandu kereta, Mohd. Azma Bidin dari Kemaman, Terengganu dan Mohd. Nizar Abu Zarin dari Setapak Permai, Kuala Lumpur.

Katanya, tiga mangsa yang cedera pula ialah Azuan Ahmad dari Felda Jengka 12, Muazam Shah, Pahang; Hamzah Mohd. Nor dari Labis, Segamat, Johor dan Mohd. Farhan Jaafar dari Putrajaya.

Menurut beliau, kesemua mangsa berusia 19 tahun dan merupakan pelajar tiga kursus Diploma Ukur Bahan.

"Mohd. Azma dan Mohd. Ni-

zar mati di tempat kejadian akibat kecederaan parah di kepala dan mayat mereka dihantar ke Hospital Batu Gajah untuk bedah siasat.

"Azuan yang cedera parah di kepala dikejarkan ke Hospital Ipoh manakala Hamzah dan Mohd. Farhan yang cedera di tangan serta kaki dirawat di Hospital Batu Gajah," katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat Polis Daerah Batu Gajah di sini hari ini.

Jaafar berkata, kemalangan itu mengakibatkan kereta mangsa remuk dan sepasukan anggota bomba terpaksa dike-

jarkan ke tempat kejadian untuk membantu mengeluarkan mangsa yang tersepit.

Beliau berkata, pemandu lori yang dikenali sebagai Laaha Latar berusia 20-an ditahan polis se-jurus selepas membuat laporan.

Bagaimanapun, katanya, pemandu terbabit dibebaskan dengan ikat jamin polis selepas kenyataannya diambil.

"Siasatan polis mendapati pemandu lori berkenaan cuba memotong sebuah motosikal di depannya tetapi gagal menyebabkan kenderaannya bertembung dengan kereta yang dipandu oleh Mohd. Azma," katanya.